



## GARIS PANDUAN PERMOHONAN KELULUSAN JENIS KOMPONEN

- 1) Permohonan Kelulusan Jenis Komponen atau *Component Type Approval (CTA)* bertujuan memastikan setiap **komponen / sistem automotif** yang telah diwartakan di dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) **untuk pembekalan dan penjualan peringkat domestik** adalah mematuhi **standard mandatori** yang telah ditetapkan seperti Jadual di bawah.

BIL.	KOMPONEN / SISTEM AUTOMOTIF	STANDARD MANDATORI
1.	Topi Keledar Motosikal	a) Peraturan <i>United Nations (UN) R22 : Protective Helmets and Their Visors for Driver and Passengers of Motorcycles and Moped</i> ; atau b) <i>Malaysian Standard (MS) 1 : Specification for Protective Helmets and Visors for Vehicle Users.</i>
2.	<i>Child Safety Seat / Child Restraint System</i>	a) Peraturan <i>United Nations (UN) R44 : Child Restraint Systems (CRS)</i> ; atau b) Peraturan <i>United Nations (UN) R129 : Enhanced Child Restraint Systems (ECRS).</i>
3.	<i>New Brake Lining or Brake Pad</i>	a) Peraturan <i>United Nations (UN) R90 : Replacement Brake Lining Assemblies and Drum Brake Lining</i> ; atau b) <i>Malaysia Standard (MS) 1164 : Replacement Brake Lining Assemblies and Drum Brake Lining</i>
4.	<i>New Pneumatic Tyres</i>	a) Peraturan <i>United Nations (UN) R54 : Pneumatic Tyres for commercial vehicles and their trailers</i> ; b) Peraturan <i>United Nations (UN) R30 : Pneumatic Tyres for motor vehicles and their trailers</i> ; c) <i>Malaysian Standard (MS) 149 : New pneumatic passenger car tyres</i> ; atau d) <i>Malaysian Standard (MS) 1394 : New pneumatic tyres for highway vehicles other than passenger cars.</i>
5.	<i>New Retreaded Pneumatic Tyres</i>	a) Peraturan <i>United Nations (UN) R108 : Retreaded tyres for passenger cars and their trailers</i> ; b) Peraturan <i>United Nations (UN) R109 : Retreaded tyres</i>

BIL.	KOMPONEN / SISTEM AUTOMOTIF	STANDARD MANDATORI
		<i>for commercial vehicles and their trailers; atau</i> c) <i>Malaysian Standard (MS) 224 : Retreaded pneumatic rubber tyres for passenger cars and commercial vehicles.</i>
6.	<i>Speedlimiter Device</i>	a) <i>Peraturan United Nations (UN) R89 : Speedlimiter Device (SLD)</i>
7.	<i>Gas Discharge Headlamp / Bulb for motor vehicle</i>	a) <i>Peraturan United Nations (UN) R98 : Headlamps with gas-discharge light source; atau</i> b) <i>Peraturan United Nations (UN) R99 : Gas-discharge light sources.</i>
8.	<i>Seat for motor vehicle</i>	a) <i>Peraturan United Nations (UN) R17 : Strength of seats, their anchorages and head restraints.</i>
9.	<i>Safety Seatbelts</i>	a) <i>Peraturan United Nations (UN) R16 : Safety-belts</i>

- 2) Mana-mana komponen / sistem automotif yang tidak mematuhi standard mandatori seperti Jadual di atas adalah tidak dibenarkan untuk digunakan di atas jalan raya atau tujuan pembekalan pasaran domestik.
- 3) Pemohon hendaklah memastikan semua item yang perlu dikemukakan adalah lengkap dan disusun dengan teratur mengikut kategori seperti senarai semak di bawah untuk pertimbangan lanjut oleh pihak JPJ.

BIL.	PERKARA	KATEGORI PERMOHONAN CTA	
		INDIVIDU	PERDAGANGAN
1.	Borang Permohonan	√	√
2.	Salinan Persijilan dan Laporan Pengujian Peraturan UN / <i>Malaysian Standard (MS)</i>		√
3.	Gambar Komponen / Sistem	√	√
4.	Surat / Notis Tahanan Kastam	√	
5.	Resit / Invois Pembelian	√	
6.	Sampel komponen / sistem		√

- 4) Setiap dokumen pematuhan standard yang dikemukakan hendaklah selari dengan sampel komponen / sistem yang dihantar untuk pemeriksaan lanjut pihak JPJ.
- 5) Bagi tujuan permohonan penambahan unit komponen / sistem untuk Permohonan CTA (kategori perdagangan) yang telah mendapat kelulusan terdahulu, setiap item berikut hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan lanjut pihak JPJ, iaitu :-
  - Borang Permohonan;
  - Resit / Invois Pembelian; dan
  - Salinan Surat Kelulusan CTA (terdahulu)

6) Setiap permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

6.1) [cta.online@jpi.gov.my](mailto:cta.online@jpi.gov.my); atau

6.2) IBU PEJABAT,  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA,  
BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF  
ARAS 4, NO.26, JALAN TUN HUSSIEN,  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62100 PUTRAJAYA.


(Tel : 03-88928107)



**SAMPLE**







SAMPLE

